

Cabutan

Hanya Perikatan sahajalah yang dapat memberikan segala bantuan kepada penduduk-penduduk negeri ini terutama orang-orang melayu – Ghafar Baba.

*

Tidak ada kerajaan selain daripada Parti Perikatan yang dapat menjaga kepentingan rakyat Malaysia – Ghafar Baba.

*

Sekiranya kematian anak-anak kecil melayu tidak dicegah ia mengakibatkan orang-orang Melayu menjadi golongan yang kecil dalam negeri ini pada suatu masa nanti – Datuk Harun Idris Menteri Besar Selangor.

*

Justice Ali Hasan Hakim Mahkamah Tinggi Johor Baharu memerintahkan supaya dibicarakan ke atas tiga orang Melayu atas tuduhan merompak supaya dibicarakan dalam bahasa kebangsaan. Beliau dikatakan berkata kerana yang dituduh itu orang-orang Melayu dan saksi-saksi semua terdiri dari orang-orang Melayu. Ada lebih baik perbicaraan itu dijalankan dalam bahasa kebangsaan dan beliau akan mencatatkan perbicaraan itu dalam bahasa Inggeris – Berita.

*

Sebanyak 50 daripada 152 buah cawangan UMNO bahagian Kuala Terengganu telah menyokong penuh undang-undang bahasa kebangsaan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat baharu-baharu itu – Setiausaha UMNO bahagian Kuala Terengganu.

*

Kita tak dapat ikut jejak langkah datuk nenek kita 40 hingga

Ucapan Takziah

Dengan perasaan terharu dan dukacitanya Qalam mempersembahkan ucapan takziah di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Munawir bin al-Marhum Tuanku Abdul Rahman – Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan – dengan mendoakan mudah-mudahan roh al-Marhum baginda dihimpunkan bersama-sama dengan arwah para *anbiyā'*, *syuhadā'* dan *al-Sālihīn* di *Jannah al-Na'im*. Amin.

50 tahun yang lalu, dimana perjuangan mereka hanya semata-mata berdasarkan kebangsaan yang sempit iaitu Melayu untuk Melayu – En. Senu Abdul Rahman.

*

Di satu masa nanti Malaysia akan dapat mencapai taraf satu rupa bangsa Malaysia tanpa (dengan tidak) kaum-kaum seperti kaum-kaum Melayu, Cina dan India dalam negeri ini – Tuan Lee Siok Yew Menteri Muda Pelajaran Malaysia.

*

Meleburkan kaum-kaum inilah tujuan Kerajaan Perikatan dalam membina satu rupa bangsa, satu kebudayaan dan satu bahasa supaya rakyat negeri ini dapat hidup dalam aman, makmur dan bahagia – Tuan Lee.

*

Sebagai rakyat yang terdiri berbilang bangsa dalam negeri ini, kita tidak boleh memikirkan hal dan kepentingan diri dan kaum sendiri sahaja – Tuan Lee.

*

Nampaknya orang-orang Melayu yang belajar di sekolah-sekolah agama berfahaman sempit – Tengku Abdul Rahman.

*

Pegawai-pegawai kerajaan yang tidak setuju dengan polisi kerajaan patutlah meletakkan jawatan. Sebagai pegawai kerajaan bukanlah tanggungjawabnya mengemukakan polisi dari fikiran sendiri dan bertindak menentang dasar yang telah diluluskan oleh *Parliament* – Tengku.

*

Semangat baharu, semangat berdiri di atas kaki sendiri yang baru dan rasa bertanggungjawab memberikan sumbangan kepada setiap rancangan negara hendaklah ditanam di setiap sanubari rakyat terutama di luar bandar. – Tun Abdul Razak.

*

Kalau di masa malapetaka, Konfrontasi dan Darurat, kita boleh bersatu padu, maka perpaduan kita itu sekarang hendaklah kita gunakan untuk rancangan pembangunan kemajuan negara kita. – Tun Abdul Razak.

*

Dan berpeganglah kamu sekalian dengan tali (agama) Allah dan janganlah kamu berpecah-belah. Dan ingatlah nikmat Allah atas kamu, tatkala kamu bermusuh-musuhan, lalu ia jinakkan di antara hati-hati kamu, dengan nikmat Allah kamu dijadikan bersaudara, padahal dahulunya ditepi lubang dari Neraka, tetapi Ia selamatkan kamu daripadanya. – maksud al-Qur'an.

*

Kalau orang-orang Melayu sendiri memandang berat saudaranya di Malaya ini adalah suatu perkara yang hak dan semula jadi. – Tengku.